



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

MENARA PERKESO

281, JALAN AMPANG

50538 KUALA LUMPUR

KHIDMAT PELANGGAN: 1300 22 8000



(053 - 225166)

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
JALAN WISMA PUTRA, OFF JALAN BIRCH
50926 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
Malaysia

PEKELILING MAJIKAN BIL. 2 TAHUN 2018

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA, 1969

AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN, 2017

PROSEDUR PEMBAYARAN CARUMAN DAN PENGHANTARAN MAKLUMAT PEKERJA MENGUNAKAN PORTAL ASSIST PERKESO DAN PERBANKAN INTERNET

1. TUJUAN

Pekeliling Majikan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua majikan yang berdaftar dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengenai **PROSEDUR PEMBAYARAN CARUMAN DAN PENGHANTARAN MAKLUMAT PEKERJA** bagi Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan, 2017.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada ketika ini, majikan menggunakan pelbagai saluran pembayaran caruman dan penghantaran maklumat pekerja iaitu menggunakan perbankan internet, Borang 8A / 8B, pita, disket, cakera padat dan iPERKESO.

- 2.2 Penggunaan pelbagai medium yang dimaksudkan menyebabkan kelewatan dalam pengemaskinian rekod majikan dan pekerja kerana sebahagiannya melibatkan medium yang memerlukan pemprosesan secara manual.
- 2.3 Mulai Januari 2018, PERKESO telah memperkenalkan medium caruman baru yang membolehkan majikan membuat pembayaran caruman dan penghantaran maklumat pekerja secara dalam talian (*online*) menerusi Portal ASSIST PERKESO.
- 2.4 Pengaktifan penggunaan medium caruman menggunakan Portal ASSIST PERKESO ini adalah bagi memudahkan majikan membuat pembayaran caruman dan penghantaran maklumat pekerja yang secara langsung dapat melancarkan proses pengemaskinian rekod.
- 2.5 Pengemaskinian rekod caruman dengan cepat dan tepat adalah amat penting dalam memastikan pemprosesan tuntutan faedah orang berinsurans PERKESO dapat disegerakan.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Melalui pelaksanaan Portal ASSIST PERKESO, pengemaskinian rekod caruman majikan dan pekerja dapat dibuat secara terus oleh majikan.
- 3.2 Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian majikan yang masih menggunakan kaedah manual dalam membuat pembayaran caruman dan penghantaran maklumat pekerja menyebabkan kelewatan dalam pengemaskinian rekod.
- 3.3 Oleh yang demikian bagi memastikan rekod caruman majikan dan pekerja dikemaskini segera, semua majikan adalah dikehendaki membuat pembayaran caruman dan menghantar maklumat pekerja menggunakan **PORTAL ASSIST PERKESO** atau **PERBANKAN INTERNET**.

- 3.4 Pengemaskinian maklumat pekerja hendaklah sama sebagaimana maklumat pendaftaran Nama dan Nombor Kad Pengenalan (12 digit) Pendaftaran Negara Malaysia.
- 3.5 Bagi Penggunaan Portal ASSIST PERKESO, majikan dikehendaki berdaftar dengan mengemukakan borang permohonan ke jdportal@perkeso.gov.my atau hadir sendiri ke mana-mana pejabat PERKESO yang berdekatan.
- 3.6 Borang permohonan yang dimaksudkan boleh dimuat turun dari laman sesawang rasmi PERKESO www.perkeso.gov.my
- 3.7 Bagi penggunaan perbankan internet, majikan hendaklah berurusan sendiri dengan panel bank PERKESO yang menawarkan perkhidmatan ini seperti di Lampiran 1.

4. PEMAKAIAN

Pelaksanaan Pembayaran Caruman Dan Penghantaran Maklumat Pekerja Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan, 2017 menggunakan **PORTAL ASSIST PERKESO** dan **PERBANKAN INTERNET** adalah **DIWAJIBKAN KEPADA SEMUA MAJIKAN DAN BERKUATKUASA MULAI 1 JANUARI 2019.**

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung dengan Pekeliling Majikan ini hendaklah dikemukakan ke Pusat Khidmat Pelanggan PERKESO di talian 1300 22 8000 atau hadir ke Pejabat PERKESO yang berdekatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 26 September 2018

LAMPIRAN 1

PANEL BANK PERKESO

BIL.	BANK	PERKHIDMATAN
1.	CIMB Bank Berhad	BizChannel
2.	Maybank Berhad	Maybank2e.net
3.	Public Bank Berhad	PbeBank.com
4.	RHB Bank Berhad	eHR2
5.	Citibank Berhad	CitiConnect
6.	Hong Leong Bank Berhad	E-payment service
7.	AmBank Malaysia Berhad	E-Ambiz
8.	Alliance Bank Malaysia Berhad	Allianceonline Business
9.	Affin Bank	affinonline
10.	HSBC Bank (M) Berhad	HSBCnet
11.	Bank Islam Malaysia Berhad	Perbankan Internet Korporat (e-Banker)
12.	Hong Leong Bank Berhad	Hong Leong Connect Biz
13.	Agro Bank	AGRONet
14.	UOB Bank	UOB Business Internet Banking
15.	Bank Muamalat Malaysia Berhad	Corporate Internet Banking (i-Biz)
16.	Standard Chartered Malaysia	Straight2Bank

in (Media),

Makluman & fail.

NORASMA ENTI AHMAD
Penolong Akauntan (W32)
Bahagian Kewangan dan Bekalan
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Dewan Bahasa dan Pustaka

Alasan/IDAWAN

Kepada: PA(1) / PA(6)

Mohon urus
 Mohon berunding
 Mohon berunding
 Mohon jawab
 Fikiran
 Laporan
 Bilangan
 Mektuman

Oleh: ARMAN WALIM 8/1
 Ketua Bahagian Kewangan dan Bekalan
 Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
 Dewan Bahasa dan Pustaka
 Angan/Cap/Tempoh

